PENDEKATAN SINKRONIK DALAM SEJARAH SASTERA MELAYU DI NEGERI-NEGERI SELAT 1826-1926

NORIDAH BINTE KAMARI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

PENDEKATAN SINKRONIK DALAM SEJARAH SASTERA MELAYU DI NEGERI-NEGERI SELAT 1826-1926

oleh

NORIDAH BINTE KAMARI

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

April 2019

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana membukakan peluang untuk saya melanjutkan pengajian dalam bidang yang sudah lama saya minati. Segala puji-pujian ke atas barakah-Nya yang tiada batasan.

Sekalung penghargaan buat penyelia tesis, Profesor Dr. Jelani Harun yang banyak memberikan tunjuk ajar, mencurahkan ilmu dan memaparkan sikap profesionalisme yang tinggi. Terima kasih kerana menaruh keyakinan dan memberikan semangat sepanjang kembara ilmu ini.

Terima kasih buat Dekan Pusat Pengajian Ilmu dan Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Narimah Samat, di atas segala sokongan yang diberikan.

Pengumpulan bahan untuk kajian ini juga bersandarkan budi baik dan kerjasama daripada beberapa pihak. Buat Timbalan Pengarah Perpustakaan Negara Singapura (NLB), Puan Tan Huism, Encik Juffri Supa'at selaku pustakawan NLB, Puan Rahmah Saini dari Arkib Negara Singapura (NAS), Puan Jenny Ng dari Arkib Gereja Methodist Singapura dan staf-staf Gereja Prebysterian Prinsep Street, Perpustakaan Central Library, Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Perpustakaan Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS), terima kasih diucapkan atas kerjasama yang telah diberikan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Dr. Annabel Teh-Gallop, ketua kurator bahan Asia Tenggara di British Library, Encik Edward Weech, pustakawan Royal Asiatic Society, Dr. Farouk Yahya, staf akademik di School of Oriental and African Studies (SOAS) University of London, dan Arkib SOAS, Perpustakaan Leiden University dan

Oxford University atas bantuan dan panduan yang telah diberikan.

Kerjasama daripada Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Hamzah Sendut dan Penang Free School turut dihargai. Terima kasih juga buat Dr. Mohamad Saleeh Rahamad, pensyarah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM) kerana berkongsi pengetahuan tentang oksidentalisme. Tidak dilupakan juga para pensyarah dan staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan selama ini.

Khas buat suami tercinta, Mohammad Farihan Bin Bahron yang mengizinkan isterinya memenuhi cita-cita, terima kasih yang tidak terhingga atas pengorbanan yang telah dilalui. Buat ibu, Hamidah Binte Ahmad dan ayah, Kamari Bin Amin, terima kasih kerana tidak lekang memberikan dorongan.

Kepada rakan-rakan seperjuangan yang menghulurkan persahabatan yang tulus, semoga pengajian ini menjadi titik permulaan bagi kejayaan-kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan, insya-Allah.

Noridah Binte Kamari

Pusat Pengajian Ilmu dan Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN ii

ISI KANDUNGAN iv

SENARAI JADUAL vii

SENARAI RAJAH viii

SENARAI GAMBAR ix

SENARAI LAMPIRAN xi

ABSTRAK xii

ABSTRACT xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Permasalahan Kajian 10

1.3 Objektif Kajian 15

1.4 Kepentingan Kajian 17

1.5 Skop dan Batas Kajian 18

1.6 Kajian Lepas 20

1.7 Metodologi 27

1.7.1 Kaedah Analisis Tekstual 28

1.7.2 Kaedah Kepustakaan 29

1.7.3 Kaedah Penerokaan di Laman Web 30

1.7.4 Kaedah Kajian Lapangan 31

1.8 Kerangka Konseptual 31

1.9 Organisasi Kajian 40

BAB 2 ORIENTALISME DALAM SEJARAH SASTERA

2.1 Pendekatan Sinkronik pada abad ke-19 di Negeri-negeri Selat 42

2.2 Pemikiran orientalisme di Negeri-negeri Selat 48

2.3 Pembinaan bahan Sastera Melayu Kristian 60

2.4 Pengarang dan penterjemah Melayu 85

BAB 3 OKSIDENTALISME DALAM SEJARAH SASTERA

3.1 Batas-batas pemikiran orientalisme 98

3.2 Oksidentalisme di Negeri-negeri Selat 105

3.2.1 Jalal Ali Ahmad (1984) 108

3.2.2 Ian Buruma dan Avishai Margalit (2004) 112

3.2.3 Couze Venn (2000) 115

3.2.4 Hassan Hanafi (1995, 2000) 121

3.2.5 Syed Hussein Alatas (1977) 127

3.3 Lakaran kerangka konseptual oksidentalisme 132

BAB 4 HEGEMONI BUDAYA BARAT KE ATAS TIMUR

4.2 Penyebaran Kristianiti dan hegemoni budaya Barat 142

4.2 Agenda gerakan mubaligh Kristian 160

4.3 Penghakisan agama Islam 171

4.4 Pengaruh sosial dan pendidikan 181

BAB 5 IDEOLOGI KEUNGGULAN MORAL BARAT

5.1 Penyerlahan keunggulan moral Barat 186

5.2 *Barbarian* atau tidak bertamadun 199

5.3 Propaganda Kristianiti sebagai penyelamat 213

5.4 Nilai-nilai moral berlandaskan ajaran Kristian 216

BAB 6 PESONA TERHADAP BARAT

6.1 Pembinaan pesona terhadap Barat 226

6.2 Kemajuan ilmu dan teknologi 235

6.3 Adat dan bahasa 242

6.4 Tamadun dan sikap 249

BAB 7 KESIMPULAN 265

BIBLIOGRAFI 273

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Jenis-jenis oksidentalisme.	37
Jadual 3.1	Perbandingan pemikiran empat pengkritik orientalisme.	100
Jadual 3.2	Perbandingan ciri-ciri orientalisme dan oksidentalisme oleh Hassan Hanafi (1995).	133
Jadual 4.1	Beberapa terjemahan daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dalam *Shayer Dan Pujian* (1889).	171

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Model perbezaan diakronik dan sinkronik.	3
Rajah 2.1	Tahap-tahap penghasilan karya.	48
Rajah 2.2	Perkara-perkara yang diserlahkan melalui pendekatan sinkronik pada zaman abad ke-19.	50
Rajah 2.3	Pemikiran orientalisme Barat.	58
Rajah 3.1	Kerangka konseptual oksidentalisme berdepan dengan orientalisme.	137
Rajah 3.2	Kerangka konseptual oksidentalisme berdasarkan beberapa tokoh.	138
Rajah 4.1	Pendekatan oksidentalisme dalam memperkatakan tentang hegemoni budaya Barat terhadap Timur.	158
Rajah 5.1	Pendekatan oksidentalisme dalam memperkatakan tentang ideologi keunggulan moral Barat.	197
Rajah 6.1	Pesona terhadap Barat dalam kerangka konseptual oksidentalisme.	233

SENARAI GAMBAR

Halaman

Gambar 2.1	Kursus Pengajian Melayu untuk calon mubaligh Kristian dalam *The Malaysia Message* (1897).	64
Gambar 2.2	Mesin cetak untuk bahan bacaan bahasa Cina. Alat cetak untuk bahasa Melayu dalam skala yang lebih kecil.	76
Gambar 2.3	Gereja Prebysterian yang diasaskan oleh Keasberry pada 1843 di Prinsep Street, Singapura.	81
Gambar 2.4	Perkarangan Gereja Prebysterian di Prinsep Street, Singapura.	82
Gambar 2.5	Kulit buku *Shayer dan Pujian* yang disalinkan dalam bahasa Melayu oleh Phillips pada 1889.	87
Gambar 2.6	Potret Ibrahim yang dilukiskan oleh Maria Graham pada 1810.	88
Gambar 2.7	Kedudukan Negeri-negeri Selat di Semenanjung Tanah Melayu.	92
Gambar 2.8	*Singapore Triglot Vocabulary* (1889) oleh William G. Shellabear.	93
Gambar 2.9	*The Faith of Islam* (1880) oleh Edward Sell.	94
Gambar 2.10	*The Mizan Ul Haqq* atau *Balance of Truth* (1866) oleh C.G. Pfander.	95
Gambar 2.11	Potret Claudius Henry Thomsen.	96
Gambar 2.12	Potret William Girdlestone Shellabear.	97
Gambar 4.1	Contoh terjemahan kitab Injil oleh Ruyl pada 1651.	144
Gambar 4.2	Kulit buku terjemahan kitab Injil ke dalam bahasa Melayu (1823).	145
Gambar 4.3	Surat oleh Beighton tentang Abdul Amid bertarikh 27 Februari 1839.	146
Gambar 4.4	Muka surat depan terjemahan kitab Injil (1866).	148
Gambar 4.5	Iklan penjualan *gospel* dalam tulisan Rumi dan Jawi.	152
Gambar 4.6	Terjemahan kitab Injil Matthew (1890) oleh British and Foreign Bible Society.	153

Gambar 4.7	Keratan majalah *The Malaysia Message* (1914) yang menyatakan bahawa kitab Injil adalah buku paling laris dalam kalangan orang Islam.	155
Gambar 4.8	Contoh lirik lagu *Gospel* dalam *Shayer Dan Pujian* (1889).	164
Gambar 4.9	Muka surat kandungan teks *Puji2an* (1840) terjemahan Beighton daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi.	173
Gambar 4.10	Keratan teks *Puji2an* (1840) terjemahan Beighton.	174
Gambar 4.11	Surat tulisan Beighton tentang permohonan geran untuk pembinaan sekolah Melayu di Pulau Pinang, 1819.	177
Gambar 4.12	Gerbang Sekolah Penang Free School yang dibina pada tahun 1816.	182
Gambar 5.1	Iklan penerbitan buku-buku Melayu oleh Methodist Publishing House, 1889.	190
Gambar 5.2	Muka depan *Chrita Orang Yang Chari Slamat* (1905).	206
Gambar 5.3	Muka surat dalam *Chrita Orang Yang Chari Slamat* (1905) yang menunjukkan watak Kristian berbangsa Timur.	207
Gambar 5.4	Muka surat dalam *Chrita Orang Yang Chari Slamat* (2003) dalam bahasa Inggeris yang menunjukkan watak Kristian berbangsa Barat.	208
Gambar 5.5	Iluminasi teks dalam *Cermin Mata Bagi Segala Orang Yang Menuntut Pengetahuan* (1895).	211
Gambar 5.6	Muka depan *Cermin Mata Bagi Segala Orang Yang Menuntut Pengetahuan* (1895) dan senarai kandungan.	212
Gambar 5.7	Muka depan majalah *Sahabat* pada Mei 1895.	219
Gambar 5.8	Muka depan majalah *Sahabat* pada Jun 1895.	220
Gambar 5.9	Muka depan majalah *Sahabat* pada Julai 1895.	221
Gambar 5.10	Muka depan majalah *Sahabat* pada Ogos 1895.	222

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 Susunan sejarah sastera Melayu secara diakronik

Lampiran 2 Judul-judul penulisan sejarah sastera Melayu

Lampiran 3 Garis masa perkembangan gerakan mubaligh Kristian

Lampiran 4 *The Substance of our saviour's sermon on the mount* (1829).

Lampiran 5 Risalah dan surat tulisan Beighton (1837)

Lampiran 6 Kulit buku laporan The Singapore Malay Female School (1825-26)

Lampiran 7 *Hikayat Isa* (1840)

PENDEKATAN SINKRONIK DALAM SEJARAH SASTERA MELAYU DI NEGERI-NEGERI SELAT 1826-1926

ABSTRAK

Tesis ini membincangkan kelompongan dalam penulisan sejarah sastera Melayu pada abad ke-19 di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura), khususnya dari tahun 1826 hingga 1926. Permasalahan asas yang menjadi tunjang perbincangan berhubungan dengan perubahan dan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh mubaligh Kristian ke atas masyarakat Melayu di Negeri-negeri Selat. Tesis bermatlamat untuk mengkaji dan memperbaiki kelemahan pendekatan diakronik yang bersifat makro dalam penulisan sejarah sastera Melayu yang menjadi amalan para sarjana sebelum ini. Kajian sejarah sastera yang lebih mendalam memerlukan pendekatan yang lebih kritis dan tidak konvensional, khususnya melalui pendekatan sinkronik sebagaimana yang diusulkan oleh Teeuw (1986). Melalui kajian terhadap surat-surat, buku, minit mesyuarat, majalah dan risalah-risalah yang terbit di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19, mendedahkan usaha oleh mubaligh Kristian untuk membina sebuah sub-genre Sastera Melayu Kristian sebagai bahan bacaan sastera kepada masyarakat Melayu. Tulisan para mubaligh Kristian dan penjajah Inggeris yang sarat dengan pemikiran orientalisme akan diberi penilaian semula melalui pendekatan oksidentalisme, khususnya seperti yang diutarakan oleh Hassan Hanafi (1995). Kaedah oksidentalisme mendedahkan tiga pecahan utama dalam pemikiran orientalisme, iaitu hegemoni budaya Barat ke atas Timur, ideologi keunggulan moral Barat dan pesona terhadap Barat.

Pemikiran Hassan Hanafi tentang oksidentalisme akan dianalisis secara lebih kritis melalui pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Alatas (1977), Jalal A-li Ahmad (1984), Venn (2000) dan Buruma & Margalit (2004). Dapatan kajian mendedahkan suatu rancangan yang teliti oleh para orientalis dalam membina sub-genre Sastera Melayu Kristian melalui usaha menerbit dan mengedarkan bahan bacaan Melayu yang berbaur Kristianiti. Pendekatan oksidentalisme menekankan kesamarataan kedudukan Barat dan Timur serta membina komunikasi dua hala yang membolehkan Timur untuk menjadi penghasil dan penerima pengetahuan. Pesona terhadap Barat yang terbina melalui pemikiran orientalisme ditumbangkan dalam pendekatan oksidentalisme yang menekankan bahawa tiada satu budaya besar tetapi tamadun manusia terdiri daripada gabungan banyak budaya kecil. Westernisasi yang melihat modeniti sebagai milik Barat turut dipersoalkan dalam pendekatan oksidentalisme yang melihat modeniti sebagai milik semua bangsa. Melalui gabungan pendekatan sinkronik dan oksidentalisme, kelompongan abad ke-19 di Negeri-negeri Selat dalam penulisan sejarah sastera Melayu dapat dirungkai dan difahami dengan lebih terperinci.

SYNCHRONIC APPROACH IN MALAY LITERARY HISTORY IN THE STRAITS SETTLEMENTS 1826-1926

ABSTRACT

This thesis examines the gap in Malay literary history during the 19th century epoch in the Straits Settlements (Penang, Malacca and Singapore), specifically from 1826 to 1926. The main research problem that forms the basis of this study relates to changes and effects left by Chritian missionaries on Malay communities in the Straits Settlements. This thesis aims at studying the weaknesses of diachronic approach that is macroscopic, typically applied by scholars, in the writing of Malay literary history. In-depth research of literary history requires a more critical and non-conventional method, namely by adopting synchronic approach as proposed by Teeuw (1986). Research on letters, books, minutes of meeting, magazines and brochures published in the Straits Settlements during the 19th century reveals elaborate plans by Christian missionaries to build a Malay Christian Literature sub-genre in order to develop reading materials for the Malay community. Writings by Christian missionaries and British colonial officers influenced by orientalism are reevaluated through occidentalism. Hassan Hanafi (1995), being one of the main proponents of occidentalism, illustrates three situations branching from orientalism, namely Western cultural hegemony on the East, superiority of Western morals as an ideology and blind fascination towards anything from the West. Views from other thinkers are also used to strengthen Hassan Hanafi's approach, namely Alatas (1977), Jalal A-li Ahmad (1984), Venn (2000) and Buruma & Margalit (2004). This

research reveals that there was an elaborate plan plotted by orientalists in developing a Malay Christian Literature sub-genre through efforts in publishing and distributing of Malay reading materials influenced in Christian teachings. Occidentalism emphasises equality in dealing with West and East and building a two-way communication that provides opportunity for the East to become both creator and consumer of knowledge. Blind fascination towards the West borne from orientalism is questioned and occidentalism reiterates that there is no one major culture but human civilisation comprises of many small and different cultures. Westernisation sees that modernity is owned solely by the West and occidentalism reexamines modernity as a phase in civilisation that can be achieved by all races. Through application of both synchronic and occidentalism approaches, the gap during the 19th century epoch in Malay literary history can be solved and understood more comprehensively.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kedudukan sejarah sastera sebagai sebuah bidang ilmu sentiasa dipersoalkan kerelevanannya kerana menggabungkan dua disiplin yang besar, iaitu sejarah dan sastera. Disiplin sejarah mementingkan objektiviti, fakta dan kebenaran, sementara sastera pula ada kalanya menentang hal-hal ini atas dasar kreativiti dan imaginasi pengarang. Berlainan dengan disiplin sejarah dan disiplin sastera, sejarah sastera mempunyai *horizon of expectation* atau matlamat yang berbeza dan tersendiri, dan hal ini bererti penulisan sejarah sastera harus peka dan berubah mengikut perkembangan masa.

Dalam penulisan sejarah sastera, setiap karya diangkat sebagai sebuah peristiwa sejarah atau *historical event*[1]. Tugas sejarah sastera adalah memberikan makna kepada karya sastera dalam konteks sejarah. Hal ini boleh dilakukan melalui pendekatan diakronik yang bersifat makro dan menyusun karya sastera mengikut urutan masa yang lazim digunakan oleh para sarjana sehingga dianggap sebagai suatu konvensi dalam penulisan sejarah sastera. Walaupun pendekatan yang berasaskan periodisasi ini mampu memberikan pandangan meluas tentang perubahan sastera di atas tali masa yang panjang, namun ada perkara-perkara tertentu yang disisihkan

[1]Mario J. Valdes dan Linda Hutcheon, (1994). *Rethinking Literary History – Comparatively*. ACLS Occasional Paper No. 27. New York: American Council of Learned Societies, hlm. 6.

secara sedar dalam usaha menghasilkan sebuah naratif sejarah yang tekal dan tersusun.


Sebuah naratif sejarah umpama sebuah cerita yang menyusun "peristiwa-peristiwa" yang berlaku secara logik dan "peristiwa" yang mengganggu perjalanan cerita itu akan diketepikan. Hal ini bererti bahawa tidak semua lapisan realiti yang berlaku pada satu-satu masa itu dapat disampaikan dengan terperinci tetapi pengkaji sejarah sastera akan memilih mengikut penceritaan yang sedang dikarangkan. Melalui pendekatan diakronik yang merakamkan sejarah dalam satu jalur masa yang sehala, lurus dan tunggal, terdapat "peristiwa" atau karya yang akhirnya tercicir, terpinggir dan terasing kerana tidak menepati kehendak naratif[2]. Hal ini boleh diperbaiki melalui pendekatan yang dapat membekukan aliran masa dan mengkaji "peristiwa" yang berlaku pada satu-satu masa sahaja, iaitu melalui pendekatan sinkronik.

Pendekatan diakronik boleh dilengkapi dengan kaedah sinkronik yang merupakan kajian keratan rentas[3] sesuatu zaman dengan mengkaji karya, tokoh dan unsur-unsur ekstrinsik yang meliputi konteks zaman tersebut. Salah satu ciri baru dalam kajian sejarah sastera Melayu adalah gabungan pendekatan diakronik dengan sinkronik dan hal ini telah dikenal pasti oleh Braginsky seperti berikut:

> *A remarkable feature of contemporary researches into Malay literature is a growing interest in theoretical problems. This, in its turn, lead to the supplementing of the diachronic, historical approach to literary phenomena – incidentally, somewhat improved since the time of Winstedt's history – with the synchronic approach*[4].

[2]Susunan sejarah sastera Melayu secara diakronik boleh didapatkan dalam Lampiran 1.
[3]Keratan rentas merujuk kepada *cross-section* terhadap sejarah sastera.
[4]Braginsky, Vladimir. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views*. Leiden: KITLV, hlm. 12.

Pertumbuhan minat dalam kalangan sarjana kontemporari terhadap masalah-masalah teoretikal mendorong mereka untuk memperkukuhkan pendekatan diakronik melalui kaedah sinkronik yang bersifat mikro untuk mengkaji struktur dan fungsi sastera. Sesebuah fenomena sastera yang hanya dikaji melalui pendekatan diakronik tidak akan mendapat liputan mendalam berbanding dengan sinkronik yang membedah sistem sastera pada satu-satu masa secara terperinci dan menyeluruh. Pendekatan sinkronik membekukan masa yang dinamakan *moment opname*[5] atau *a moment in time* dan menghubungkaitkan segala perkara yang berlaku pada satu-satu masa.



Rajah 1.1 Model perbezaan pendekatan diakronik dan sinkronik

Merujuk kepada Rajah 1.1, kajian diakronik tidak mungkin dapat membicarakan kesemua lapisan realiti yang berlaku pada satu-satu masa. Setiap keratan zaman mempunyai sistem sastera yang wujud dan bertahan dengan caranya tersendiri. Sebuah sistem sastera meliputi hal-hal yang terlibat dalam penglahiran

[5]Teeuw, A. (1995). *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 92.

karya, seperti penulis, karya, pembaca, masyarakat dan teknologi yang digunakan. Perkembangan sastera secara diakronik memperlihatkan jalinan dan perubahan sistem-sistem sastera ini. Tynyanov[6] membahaskan bahawa pembicaraan karya sastera yang tidak menyentuh sistem sastera yang melahirkannya, sebagaimana yang kerap terdapat dalam pendekatan diakronik, adalah tidak bererti. Setiap zaman akan berdepan dengan dunia yang berbeza dan sistem sasteranya juga berubah mengikut tuntutan masa. Dalam sistem yang serba dinamik ini, penulisan sejarah sastera juga harus berubah dan tidak boleh kekal dengan cara lama yang konvensional.

Teeuw (1986:193) menekankan bahawa kajian sejarah sastera setakat ini tidak memuaskan dan beliau menyorot bahawa antara sebabnya ialah kekurangan fakta dan sarjana sastera untuk mengusahakannya. Sebilangan sarjana dan pengkaji yang kecil ini seringkali menghabiskan masa dan tenaga dalam tugas-tugas penyuntingan, terjemahan, intepretasi teks dan pengesanan asal-usul teks serta perkembangan sejarah sastera secara diakronik. Kerja-kerja ini memalingkan tumpuan para pengkaji daripada penghayatan dan kajian kritis terhadap teks sebagai sebuah karya seni. Teeuw (1986:193) menambah:

> *However, there is another reason why little progress has been made, and that is the very absence of an adequate theoretical framework. Mostly scholars have approached the historical aspects of Malay literature with intuitive, often rather primitive ideas as to what literary history is or should be. The study of (foreign) origins, the absolute and relative chronology of texts, the linking up of particular texts with certain sultanates or kingdoms is certainly important for the study of literary history, but these questions cannot be considered identical with it, and the study of literary history ultimately cannot stop at the answer to such questions. The very absence of theory has prevented us from asking the proper questions with respect to the study of literary texts, and therefore we lack the answers which would put such texts in the proper perspective of literary history.*

[6]Perkins, David. (1993). *Is Literary History Possible?* Baltimore: The John Hopkins University Press, hlm. 166.

Melalui petikan ini, Teeuw telah mengkritik penulisan sejarah sastera yang bertindak sebagai susunan karya secara kronologi tanpa mengkaji teks sastera itu dengan mendalam. Kajian sastera diakronik akan menjawab soalan-soalan tentang asal-usul teks, susunan kronologi teks, kaitan teks dengan kesultanan atau empayar tertentu dan perkara-perkara lain yang penting dalam kajian sejarah sastera tetapi kemampuan sejarah sastera sebagai sebuah disiplin ilmu perlu menjawab soalan-soalan yang lebih kritis tentang teks dan bukan hanya hal-hal ekstrinsik sahaja. Beliau kemudian menekankan peri pentingnya menggabungkan kerangka teori ke dalam kajian sejarah sastera sebagai usaha mengkaji teks secara kritis supaya dapat menyorot dan menempatkan teks tersebut melalui perspektif yang betul dalam sejarah sastera dan hal ini hanya boleh dilakukan melalui pendekatan sinkronik.

Penulisan sejarah sastera yang kritis akan mempertimbangkan konteks sejarah dan masyarakat yang melahirkan karya itu sementara penulisan yang kurang mendalam sekadar membuat senarai tanpa mempersoalkan kedudukan dan mutu karya. Hal ini dikritik oleh Valdes[7] yang menyatakan bahawa penulisan tentang karya dan tokoh yang tidak mengambil kira konteks sejarah bukanlah sejarah sastera yang tulen tetapi sekadar inventori atau pangkalan data tentang apa, bila dan siapa. Melalui judul-judul yang terakam dalam Lampiran 2, terbukti bahawa kebanyakan penulisan sejarah sastera Melayu bersifat intisari, kompilasi dan susunan sahaja, tanpa kritikan yang mendalam. Penulisan sejarah sastera yang konvensional seperti ini tidak memaknakan sejarah dan memberikan kritikan dari sudut sastera, justeru penulisan-penulisan sebeginilah yang menggoyahkan kedudukan sejarah sastera sebagai sebuah disiplin ilmu yang penting dan mantap.

[7]Valdes, Mario J. (2002). "Rethinking the History of Literary History". Dlm. Valdes, Mario J. dan Linda Hutcheon. *Rethinking Literary History – A Dialogue on Theory*. New York: Oxford University Press, hlm. 64.

Bertolak daripada tinjauan ringkas kajian sejarah sastera Melayu yang sedia ada dan mengambil sorotan sinkronik sejarah sastera, pengkaji mendapati ada suatu zaman penting yang menjadi pemisah antara dua period besar, namun keberadaannya itu seakan-akan tidak lengkap diperkatakan. Melalui pendekatan sinkronik, zaman abad ke-19 yang kelihatan terasing dan janggal dalam kebanyakan penulisan sejarah sastera Melayu yang konvensional akan diberikan perhatian.

Abad ke-19 merupakan zaman peralihan antara sastera Melayu tradisional ke moden. Sebelum zaman ini, semua karya Melayu disifatkan sebagai tradisional dan selepas zaman ini semuanya dianggap sebagai moden. Namun demikian, tidak banyak karya Melayu yang dihasilkan, kurang pula tokoh-tokoh sastera Melayu yang dikedepankan dan tiada usaha yang kuat secara beramai-ramai oleh penulis Melayu untuk menghasilkan sebuah perubahan sastera yang signifikan.

Sejarah Tanah Melayu pada abad ke-19 dicirikan oleh pembentukan Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura pada tahun 1826. Pertubuhan Negeri-negeri Selat ini adalah lanjutan daripada Perjanjian Belanda-Inggeris di London pada tahun 1824[8]. Awalnya, Negeri-negeri Selat menerima perintah dari pihak Inggeris di India, namun pada tahun 1867, pentadbiran diserahkan kepada British, dan Negeri-negeri Selat digelar sebagai *Crown Colony* atau tanah jajahan British. Negeri-negeri Selat terus bertahan di bawah British sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957. Ketiga-tiga negeri ini tidak mempunyai raja dan diperintahkan secara langsung oleh British.

Berbanding dengan Negeri-negeri Melayu yang beraja, raja mempunyai kuasa ke atas hal-hal agama dan adat-istiadat. *Indirect rule* atau pemerintahan secara

[8]Newbold, T. J. (1839). *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca, viz. Pinang, Malacca and Singapore; with a history of the Malayan States on the Peninsula of Malacca*. London: John Murray.

tidak langsung yang diamalkan oleh pihak British di Tanah Melayu tidak membenarkan penjajah campur tangan dalam hal-ehwal agama dan budaya. Namun demikian, ianya tidak menghalang mereka daripada menyebarkan agama mereka, apatah lagi dalam Negeri-negeri yang tidak beraja seperti Negeri-negeri Selat, gerakan Kristianisasi dilakukan dengan pesat dan terbuka.

Dalam tempoh masa antara tahun 1826 sehingga 1946[9], terdapat sekumpulan karya sastera tulisan mubaligh Kristian yang dikarang atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh para pegawai Tanah Jajahan. Bahan-bahan ini telah diterbit dan dicetak melalui syarikat percetakan seperti Mission Press di ketiga-tiga Negeri-negeri Selat. Karya-karya ini termasuklah cerita-cerita tauladan, doa-doa, sejarah agama dan cerita-cerita tokoh Kristian dan cerita daripada *Kitab Injil*. Terdapat juga usaha untuk menterjemahkan *Kitab Injil* ke dalam bahasa Melayu, dan karya-karya ini telah dihasilkan di dalam tulisan Jawi bagi memudahkan pembacaan masyarakat tempatan[10].

Penjajahan tidak berlaku secara fizikal dan politikal sahaja, malah pihak penjajah juga mempunyai agenda mereka untuk berdakwah dan menyampaikan agama mereka kepada pihak yang dijajah. Gerakan Kristianisasi terlahir melalui hasrat untuk mentamadunkan orang jajahan dan hal ini terbit daripada keangkuhan dan pemikiran orientalis Barat terhadap keagungannya sendiri. Secara luaran tampak seakan-akan ada usaha oleh Inggeris untuk mentamadunkan orang Melayu melalui pendidikan dan pencetakan bahan bacaan, namun pada masa yang sama mereka menolak kemungkinan bahawa orang Melayu sudah pun bertamadun melalui tradisi Islam.

[9]Negeri-negeri Selat berada di bawah Pendudukan Jepun antara tahun-tahun 1942 hingga 1945, .
[10]Sila rujuk Lampiran 3 untuk garis masa perkembangan gerakan mubaligh Kristian di Negeri-negeri Selat sepanjang abad ke-19.

Pemikiran orientalisme yang mendasari pentadbiran Barat dan melayakkan kedudukan mereka untuk menjajah adalah prinsip bahawa mereka berkuasa atas dasar prestij atau martabat yang lebih tinggi, dan bukan atas kuasa tentera yang lebih kuat. Robson[11] menulis, "Kami memerintah berdasarkan prestij, bukan paksaan" walaupun beliau tidak menafikan bahawa paksaan diperlukan sebagai satu elemen prestij. Keangkuhan yang dipaparkan oleh golongan orientalis ini turut terakam dalam tulisan-tulisan mereka yang memerihalkan orang Melayu, seperti *The Golden Chersonese and The Way Thither* (1883), *Malayan Memories* (1916), *Papers on Malay Subjects* (1920), *A History of Classical Malay Literature* (1939) dan banyak lagi yang mengabsahkan diri mereka sebagai lebih tinggi, lebih beradab dan layak untuk menguasai dan mencerobohi Timur termasuklah dalam ruang agama yang merupakan benteng diri terakhir setelah dijarah dari segi politik, ekonomi dan budaya.

Dalam konteks Negeri-negeri Selat, tulisan-tulisan yang mengagung-agungkan Barat, sepertimana yang dilakukan oleh Munshi Abdullah mendapat tempat dan diangkat menjadi kanun[12] mewakili zaman itu. Walaupun wujud teknologi pencetakan yang memudahkan salinan karya dalam bilangan yang besar, namun demikian penulisan daripada pengarang Melayu kurang ditonjolkan. Kekontangan karya Melayu pada abad ke-19 ini ada kaitannya dengan kelahiran karya-karya sastera berbaur Kristian yang dihasilkan dengan banyak di Negeri-negeri Selat. Memandangkan Kristianiti tidak pernah menjadi agama utama dalam masyarakat Melayu, karya-karya sastera berbaur Kristian seringkali tidak diliputi

[11]Butcher, John G. (1979). *The British in Malaya 1880-1941: The social history of a European community in colonial South-East Asia.* Oxford: Oxford Univeristy Press, hlm.77.
[12]Karya kanun merujuk kepada teks yang paling penting dan berpengaruh pada sesuatu masa atau tempat. (Bloom, 1994:35).

dalam perbincangan sejarah sastera Melayu yang diakronik. Karya-karya ini dianggap *sui generis* kerana bersifat mandiri dan tidak menepati ciri-ciri sebarang genre penulisan Melayu yang sedia ada.

Melalui pendekatan sinkronik terhadap sejarah sastera Melayu pada abad ke-19, karya-karya sastera berbaur Kristianiti ini dapat dibincangkan kerana kehadiran karya-karya ini telah mencirikan zaman tersebut. Namun demikian, kajian teks-teks ini memerlukan kerangka yang khusus yang mampu mengungkapkan fenomena sastera yang berlaku selaras dengan zaman kolonial pada abad itu, dan kerangka oksidentalisme mempunyai ciri-ciri yang dapat mencapai matlamat tersebut.

Kewujudan karya-karya ini akan diwacanakan melalui kerangka oksidentalisme yang berusaha untuk menumbangkan keagungan Barat dan meletakkan Barat sebagai objek kajian. Jika kerangka orientalisme yang menjadikan Timur sebagai objek kajian dan Barat sebagai subjek yang mengkaji digunakan dalam tulisan-tulisan Inggeris terhadap orang Melayu, oksidentalisme menterbalikkan kedudukan ini dan pengkaji selaku orang Timur yang beragama Islam menjadi subjek yang mengkaji tulisan-tulisan Barat.

Apabila karya-karya yang dilahirkan dalam kerangka orientalisme diwacanakan semula, kerangka yang bertentangan dengannya, iaitu oksidentalisme adalah yang paling sesuai. Oksidentalisme menggugah kedudukan Barat sebagai "Satu Budaya" dominan yang menguasai budaya-budaya lain dengan mempersoalkan kekuatan dan kelemahan Barat secara adil dan saksama. Setiap budaya mempunyai kelemahan dan Barat juga tidak terkecuali.

Jika dalam kerangka orientalisme, penyampaian maklumat dilakukan secara sehala, misalannya tulisan Barat yang diterima secara meluas sebagai realiti sebenar,

kerangka oksidentalisme menyarankan interaksi dua hala yang saksama. Hal ini bermakna setiap perkara yang disampaikan oleh Barat boleh dipersoalkan dan diberi maklum balas oleh Timur kerana kedua-dua budaya berdiri sama tinggi.

Melalui dualisme prinsip-prinsip orientalisme dan oksidentalisme, kewujudan karya-karya sastera berbaur Kristianiti di Negeri-negeri Selat akan dibincangkan dengan lebih kritis. Kajian sejarah sastera secara sinkronik melalui sudut orientalisme dan kritikan balik melalui kerangka oksidentalisme sesuai digunakan supaya sejarah sastera Negeri-negeri Selat selama 100 tahun (1826-1926) dapat dinilai dengan sewajarnya.

1.2 Permasalahan Kajian

Jika disorot secara diakronik, abad ke-19 adalah sebuah zaman yang lompong *(vacuum)* dalam sejarah sastera Melayu. Naratif-naratif sejarah sastera yang sedia ada hanya menumpukan perhatian kepada Munshi Abdullah sebagai bapa sastera Melayu moden dan karya-karyanya diangkat sebagai kanun untuk zaman itu. Namun demikian, kajian mendalam tentang para penulis yang sezaman dengannya[13] jarang dibicarakan seiring dengan beliau dan mereka juga tidak mengikut corak penulisan beliau yang bersifat autobiografi. Hal ini ditegaskan oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir[14]:

> *It is said that Abdullah had no following and the 70 odd years of gap between works of the type Abdullah had initiated became evident is often conveniently dismissed as a "vacuum".*

[13]Antara para penulis yang sezaman dengan Munshi Abdullah ialah Raja Ali al-Haji ibn Raja Haji Ahmad (1809-1870), Munshi Muhammad Ibrahim bin Munshi Abdullah (1830-1904) dan Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir al-Hindi (1865-1913).

[14]Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2003). *Readings in Modern Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 32.

Vakum atau kelompongan ini menyerlahkan lagi bahawa genre penulisan baru yang kononnya dimulakan oleh Munshi Abdullah iaitu autobiografi tidak ada pengikutnya dan ditulis untuk khalyak Barat semata-mata. Kendala politik dan sosio-budaya masyarakat Melayu yang dijajah Inggeris mungkin telah berperanan melahirkan suasana malap ini dan mencipta kelompongan dalam sejarah sastera Melayu.

Melalui pendekatan sinkronik dalam sejarah sastera, kendala-kendala sastera yang mencirikan sesebuah zaman itu akan dikaji dengan mendalam. Corak pentadbiran, institusi berkuasa, suasana intelektual dan iklim sosial masyarakat pada ketika itu akan melukiskan perihal kekontangan karya yang berlaku dalam zaman lompong abad ke-19 ini. Hal ini membuahkan persoalan apakah perkara-perkara yang mencirikan kelompongan itu dan adakah ianya akan terungkai melalui pendekatan sinkronik sejarah sastera yang lebih kritis penelahaannya?

Kebanyakan kajian sejarah sastera Melayu yang sedia ada memanfaatkan pendekatan diakronik yang melihat perkembangan dan pembangunan sastera secara kronologi dan makro. Naratif penulisan diakronik menuntut pengkaji untuk memilih hal-hal yang berkaitan dengan penceritaan sejarah sastera yang dipilih dan perkara yang tidak selaras dengan naratif itu akan disisihkan. Hal ini telah menyebabkan karya-karya sastera berbaur Kristian tidak pernah dikaji secara khusus kerana kelompok karya ini tidak menepati perincian naratif sejarah sastera Melayu dan bersifat *sui generis.* Perkara ini menekankan lagi kepentingan mengkaji sejarah sastera dari sudut sinkronik dalam menilai sastera dalam konteks masyarakat dan masa secara mikro supaya karya-karya yang tersisih dalam penyorotan diakronik mempunyai ruang untuk dikaji dan diwacanakan.

Kajian tentang sejarah Negeri-negeri Selat telah banyak dilakukan oleh para sarjana sejarah, antaranya termasuklah Pickering (1896), Mills (1966), Tarling (1969), Newbold (1971), Turnbull (1972) dan ramai lagi, namun demikian kajian sastera di Negeri-negeri Selat belum pernah dilakukan secara khusus dan terperinci. Kajian berkaitan sastera khususnya perkembangan teknologi percetakan yang mencirikan abad ke-19 di Negeri-negeri Selat juga banyak diperkatakan, tetapi penyelidikan kritis perihal karya-karya sastera yang terbit ketika itu tidak diberikan perhatian mendalam. Tokoh sastera yang paling banyak dikaji dalam lingkungan masa abad ke-19 ini ialah Munshi Abdullah, namun tokoh-tokoh atau karya-karya sastera lain tidak dikaji secara mendalam. Oleh itu terdapat kelopongan dalam perbincangan sejarah sastera setiap kali menyentuh tentang abad ke-19.

Kehadiran teknologi percetakan adalah sebahagian daripada strategi kristianisasi yang digemblengkan oleh mubaligh Kristian. Melalui sebilangan karya sastera berbaur Kristian yang ditemui dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat sekitar abad ke-19, usaha mubaligh Barat untuk mengkristiankan orang Melayu lebih terserlah. Malahan, Md Sidin Ahmad Ishak (1998) dan Siti Hawa Haji Salleh (1997) turut mencatatkan bahawa wujud beberapa tulisan Kristian yang dihasilkan khusus untuk tujuan berdakwah melalui wadah sastera Melayu, namun demikian tulisan-tulisan yang dihasilkan ini belum pernah dikaji secara mendalam. Hal ini menerbitkan persoalan tentang bentuk-bentuk dan corak Kristianiti penjajah Inggeris yang disalurkan melalui bahan bacaan sastera yang mencirikan zaman abad ke-19 di Negeri-negeri Selat.

Tulisan-tulisan yang lazim pada abad ke-19 di Negeri-negeri Selat merangkumi pelbagai bentuk termasuk doa, cerita-cerita dan juga sejarah agama

Kristian, dan sebilangan besar daripadanya dihasilkan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Selain itu, karya sastera agama di dalam tulisan Inggeris turut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diubahsuaikan cerita dan corak penulisan dengan warna-warna lokal supaya dapat diselaraskan dengan naluri masyarakat tempatan. Namun demikian, tiada kajian khusus yang pernah dilakukan untuk mencerakin dan memahami jenis dan bentuk tulisan mubaligh Kristian serta tokoh-tokoh yang terlibat dalam penghasilan karya-karya tersebut.

Pandangan Barat yang berat sebelah terhadap orang Melayu terakam dalam sebuah tulisan Biskop William Fitzjames Oldham[15], seorang mubaligh Inggeris yang ditempatkan di Singapura. Beliau memperlihatkan keangkuhan Barat dengan menegaskan bahawa segala pembangunan orang Melayu bukanlah atas daya usaha bangsa Melayu, malahan orang Melayu kerapkali dipergunakan oleh pemimpinnya sendiri. Tambahnya (1907:15-16):

> *The Malay is very much better off for the presence of this active, energetic white man, towards whom he shows such respect and affection as makes the contact of the two people as pleasant a sight of the strong helping the weak, and the capable teaching the backward, as is to be found anywhere in Asia.*

Dalam petikan yang ringkas ini, Oldham telah memerihalkan susuk manusia Barat sebagai aktif, bertenaga, kuat dan berkebolehan, berbanding dengan orang Melayu yang memiliki sifat sebaliknya, iaitu malas, lemah dan mundur. Beliau menyifatkan penjajahan itu sebagai yang kuat membantu yang lemah dan yang berkebolehan mengajar yang mundur, sekali gus meletakkan Barat sebagai bangsa yang lebih gagah. Sebagai mubaligh Kristian yang pertama di Singapura, pemikirannya ini merasionalkan kerja-kerja mubalighnya untuk mengajak orang

[15]Oldham, William F. (1907). *Malaysia: Nature's Wonderland*. Cincinnati: Jennings and Graham, hlm. 15-16.

Melayu atau masyarakat Timur memeluk agama Kristian, tanpa mengambil kira atau menghormati bahawa orang Melayu dan bangsa Timur yang lain amnya sudah pun mempunyai agama mereka sendiri. Melalui pendekatan oksidentalisme, pemerihalan *weltanschauung* orang Barat boleh dirungkaikan untuk menyelami dorongan terhadap tindakan-tindakan mereka. Perkara-perkara ini membawa kepada persoalan tentang bentuk-bentuk tulisan yang terhasil dan siapa tokoh-tokoh mubaligh Kristian serta bagaimana kerangka konseptual oksidentalisme dapat mendedahkan agenda Barat dalam usaha untuk mengkristiankan orang Melayu secara halus atau ketara.

Berbanding dengan zaman selepas itu, sekitar tahun-tahun 1920-an hingga 1930-an, terdapat barisan penulis yang giat berkarya dalam genre sastera moden, seperti sajak, novel dan cerpen, dan merebak menjadi suatu budaya penulisan yang baru dan popular, sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Taib Osman[16]:

> *This period (1920s) can be said to be a period of literary renaissance in Indonesia as well as in Malaya.*

Literary renaissance atau pembaharuan sastera yang yang berlaku pada tahun 1920-an sebagaimana yang diungkapkan oleh Mohd Taib Osman memberi tanggapan bahawa kesusasteraan Melayu pada zaman sebelumnya, iaitu pada abad ke-19, adalah malap dan tidak rancak. Karya-karya yang dilahirkan pada abad ke-19 seringkali melalui saringan daripada mubaligh Kristian dan penjajah Inggeris, dan karya-karya tersebut sehaluan dengan misi mereka. Karya-karya Melayu yang berbaur Kristianiti acapkali tidak diendahkan dalam kajian dan penulisan sejarah sastera abad ke-19.

[16]Mohd Taib Osman. (1961). *An Introduction to the Development of Modern Malay Language and Literature.* Singapore: Eastern Universities Press, hlm. 15.

Kajian sinkronik yang membedah sistem masyarakat di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19 akan memperlihatkan usaha penyebaran agama oleh gereja dan golongan mubaligh melalui wadah sastera Melayu. Menjejak permulaan abad ke-20, kemunculan barisan intelek Melayu, seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Ahmad Rashid Talu dan sebagainya, merudumkan kegiatan mubaligh dan muncullah karya-karya Melayu yang berbaur Islam pula. Hal inilah yang dirujuk oleh Mohd Taib Osman sebagai *literary renaissance*.

Walaupun karya-karya berbaur Kristianiti ini wujud, namun masyarakat Melayu tempatan di Negeri-negeri Selat umumnya tidak terpengaruh dan masih menganut agama Islam. Hal ini menerbitkan persoalan apakah bentuk perubahan dan sejauh manakah kesan-kesan yang ditinggalkan oleh mubaligh Kristian ke atas masyarakat Melayu di Negeri-negeri Selat?

1.3 Objektif kajian

Kebanyakan pengkaji sejarah sastera Melayu akan menyifatkan abad ke-19 sebagai vakum dan tidak mengkaji hal ini secara mendalam. Karya-karya yang banyak terhasil daripada zaman ini dilahirkan oleh penjajah Inggeris. Tulisan-tulisan mereka tentang orang Melayu dan juga risalah-risalah ajaran Kristian terjana dengan banyak, walhal karya-karya orang Melayu tidak dicetak dan disebarkan secara meluas. Justeru itu, terlahirlah zaman vakum dalam penulisan sejarah sastera Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibina atas dasar beberapa objektif seperti berikut:

i. Membukti dan membincangkan bagaimana sastera zaman Negeri-negeri Selat dicirikan oleh karya bertujuan agama yang berbaur Kristianiti yang muncul melalui kegiatan mubaligh dan teknologi percetakan melalui bahan bacaan kesusasteraan.

ii. Mengkaji dan memperlihatkan kelemahan pendekatan diakronik yang makro dalam penulisan sejarah sastera Melayu. Meneroka pendekatan sejarah sastera Melayu yang kritis dan tidak konvensional, iaitu melalui pendekatan sinkronik yang mikro, dan berusaha untuk mengkaji dan mengisi kelompongan zaman abad ke-19 yang seringkali tercantas daripada tali waktu sejarah sastera Melayu.

iii. Menganalisis tulisan mubaligh Kristian dan penjajah Inggeris di Negeri-negeri Selat melalui kajian tokoh dan teks-teks terpilih yang terbit di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang pada abad ke-19 menerusi pendekatan oksidentalisme dalam mendedahkan agenda Barat untuk mengkristiankan orang Melayu secara halus dan juga ketara.

1.4 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan memberi sumbangan kepada bidang sejarah sastera Melayu dan diharap dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji sejarah sastera. Zaman lompong abad ke-19 yang menjadi subjek kajian diharapkan akan terungkai melalui pendekatan sinkronik yang kritis supaya sejarah sastera yang diakronik kelihatan lebih lengkap dan tuntas. Umumnya, kajian ini akan membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai daya fikir yang tinggi dan mustahil terdapat zaman lompongan dalam sejarah sastera Melayu, kecuali jika ada kendala-kendala tertentu yang menghalang dan mematikannya. Melalui kajian ini, diharapkan dapat dilihat perkara-perkara yang mencirikan zaman lompong abad ke-19 yang disebut-sebutkan ini.

Melalui penggalian agenda Barat yang memomok-momokkan orang Melayu melalui penulisan mereka, kajian ini boleh digunakan sebagai panduan untuk membezakan antara pandangan Barat yang membina atau yang menghina orang Melayu. Kepentingan ini masih relevan sehingga ke hari ini kerana tulisan-tulisan dari Barat yang masih bersifat orientalisme baik dalam dunia kreatif atau kesarjanaan masih berlaku. Penggunaan konsep oksidentalisme dalam memerihalkan Barat diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap sikap dan pemikiran mereka.

Kajian sastera Melayu abad ke-19 seringkali tertumpu kepada ketokohan dan kepengarangan Munshi Abdullah. Karya-karya beliau dalam bentuk syair dan autobiografi, seperti *Syair Singapura Terbakar* (1830)*, Dawa'il Kulub* (1838)*, Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1938)*, Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu dalam Segala Negeri* (1838)*, Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir* (1849) *dan Kisah*

Pelayaran Abdullah ke Juddah (1854) menepati kehendak naratif sejarah sastera Melayu yang umum dipaparkan oleh sarjana-sarjana seperti Hadijah Rahmat, Amin Sweeney dan sebagainya. Namun demikian, terdapat sekelompok karya sastera bercorak keagamaan Kristian yang muncul pada zaman Negeri-negeri Selat yang disisihkan daripada penulisan sejarah sastera Melayu. Kajian ini penting kerana membentuk ruang untuk mewacanakan karya-karya bersifat *sui generis* ini supaya dapat memahami sistem dan fenomena sastera yang mencirikan perkembangan sastera Melayu pada abad ke-19.

1.5 Skop dan batas kajian

Kajian ini akan dilakukan terhadap beberapa tulisan yang berbaur agama Kristian yang telah dikarang dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam bentuk bercetak[17]. Tumpuan khusus diberikan kepada teks yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, dalam lingkungan waktu seratus tahun (1826-1926). Kesemua teks yang dipilih ini adalah dalam bahasa Melayu, dan ada daripadanya yang dihasilkan dalam tulisan Jawi.

Selain daripada itu, surat-surat, surat perjanjian, catatan harian dan tulisan-tulisan orang Inggeris, mubaligh dan pegawai penjajah akan digunakan sebagai latar pemahaman pemikiran Barat terhadap orang Melayu. Dokumen-dokumen seperti diari, risalah dan surat yang ditemui di Arkib Negara Singapura dan Arkib Negara Malaysia akan membentuk bahan sekunder.

Kajian ini akan dibataskan melalui sempadan ruang dan jangkau waktu. Ianya akan difokuskan kepada tulisan-tulisan mubaligh dan penjajah Inggeris yang

[17]Sila rujuk Lampiran 3 untuk senarai teks yang penuh.

diterbitkan di Negeri-negeri Selat sahaja. Tulisan-tulisan tentang Negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung atau yang ditulis oleh orang Belanda atau Portugis tidak akan diambil kira. Tulisan-tulisan daripada tokoh seperti Winstedt yang melingkari kehidupan di Perak akan digunakan sebagai bahan sampingan jika dilihat ada kesesuaiannya. Namun, data primer hanya akan tertumpu kepada Negeri-negeri Selat.

Dari segi bendungan masa pula, kajian hanya akan menumpukan kepada teks-teks yang lahir antara 1826 hingga 1926. Tahun 1826 merupakan tarikh terbentuknya Negeri-negeri Selat dan bermulanya pentadbiran Inggeris sepenuhnya ke atas ketiga-tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Negeri-negeri Selat turut merangkumi Dinding di Perak dan Labuan di Sabah, namun daerah-daerah ini tidak akan disentuh dan kajian hanya akan memberi fokus kepada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sahaja.

Walaupun wilayah Negeri-negeri Selat masih beroperasi sehinggalah kemerdekaan Tanah Melayu pada tanggal 31 Ogos 1957, namun 1926 merupakan tarikh yang sesuai untuk membataskan kajian ini. Tahun ini adalah permulaan zaman baru dalam mana semangat Melayu kembali pulih melalui karya-karya yang dicetak secara berleluasa di majalah dan suratkhabar. Pada tahun 1925, Syed Sheikh Al-Hadi melahirkan novel *Hikayat Faridah Hanum* yang merupakan novel Melayu yang pertama. Di samping kesuburan dunia intelektual yang diketuai beliau melalui Kaum Muda, tahun-tahun pada awal abad ke-20 adalah zaman pembaharuan dan kebangkitan dalam sastera Melayu, sebagaimana yang diungkapkan oleh Mohd Taib Osman (1961).

Tahun 1926 menyaksikan titik peralihan di dalam dunia politik Melayu dengan terbentuknya parti politik Melayu yang pertama iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS)[18]. Penubuhan parti ini mengisi keperluan orang Melayu untuk merenung kedudukan ekonomi mereka dan mencari punca sebab-sebab berlakunya kemiskinan. Hal-hal ini membawa semangat baru dan zaman "kegelapan" sastera Melayu mula menampakkan sejalur cahaya. Oleh itu, tahun 1926 adalah tarikh yang cukup sesuai untuk membataskan kajian ini.

1.6 Kajian Lepas

Terdapat banyak tulisan tentang sejarah sastera Melayu, namun kajian khusus terhadap perkembangan penulisan sejarah sastera sukar ditemui. Braginsky (2004) dalam *The Heritage of Traditional Malay Literature* memberikan kritikan terhadap perkembangan sejarah sastera Melayu yang dipaparkan oleh Winstedt, Harun Mat Piah, Hooykaas, Teuku Iskandar dan beberapa tokoh yang lain. Beliau menekankan bahawa sarjana kontemporari memanfaatkan pendekatan sinkronik untuk mengukuhkan sejarah diakronik. Melalui gabungan diakronik-sinkronik ini, Braginsky menyampaikan sejarah sastera yang ensiklopedik, iaitu bukan bersifat naratif. Namun demikian, kajiannya tertumpu kepada sastera tradisional sahaja dan tidak meliputi karya-karya pra-moden pada abad ke-19 mahupun karya-karya dari Negeri-negeri Selat.

Kajian sastera Melayu pada abad ke-19 telah dilakukan oleh Siti Hawa Haji Salleh (1997) dalam *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kajian ini

[18]Mohamad Saleeh Rahamad. 2014. *Oksidentalisme dalam sastera Melayu sebelum merdeka hingga era Mahathir Mohamad.* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, hlm. 100.

meneliti kesusasteraan Melayu tradisional dari segi latar belakang, penilaian para sarjana, tinjauan tokoh, pembahagian jenis dan peranan serta pengaruh. Beliau menekankan peri pentingnya ilmu filologi dalam menyumbangkan maklumat tentang manuskrip Melayu. Kajian ke atas para pengarang mutakhir abad ke-19, seperti Abdullah Munshi, Ahmad Rijaluddin dan Mohammad Salleh bin Perang mendedahkan bahawa mereka dipengaruhi oleh kehadiran Barat, namun hal ini tidak dikupas secara mendalam kerana kajian ini tertumpu kepada karya tradisional sahaja. Siti Hawa Haji Salleh bagaimanapun menyatakan bahawa terdapat sejumlah karya Kristian yang dilahirkan pada abad ke-19, namun beliau tidak mengkajinya secara terperinci. Karya-karya Kristian yang menepati naratif sejarah yang ingin disampaikan tidak memasuki perbincangan dan diketepikan.

Hal yang sama juga berlaku dalam kajian Md. Sidin Ahmad Ishak (1998) berjudul *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960*. Kajian ini bukanlah kajian sastera tetapi kajian sejarah dan dokumentasi penerbitan dan percetakan awal. Penelitian khusus diberikan kepada penerbitan, pencetakan, pemasaran dan pengedaran serta contoh-contoh keratan buku yang dihasilkan pada zaman itu. Dari sudut sejarah, kajian yang bersifat korpus ini penting dalam menyusur galurkan permulaan penerbitan dan pencetakan dalam Alam Melayu. Md. Sidin Ahmad Ishak turut menunjukkan beberapa keratan penulisan Kristian, seperti terjemahan kitab Injil ke dalam bahasa Melayu yang telah dilakukan oleh Benjamin Peach Keasberry dengan bantuan Abdullah Munshi. Namun, kajian mendalam tentang teks-teks Kristian ini tidak dilakukan, mungkin kerana kajiannya lebih ke arah dokumentasi.

Kajian yang khusus tentang penerbitan di Negeri-negeri Selat telah dilakukan oleh Ibrahim bin Ismail (1980) dalam tesis sarjananya di University College London

di bawah Pengajian Maklumat dan Arkib. Tesis berjudul *Early Malay Printing in The Straits Settlements by Missionaries of The London Mission Society* meniti sejarah percetakan oleh London Missionary Society di Negeri-negeri Selat. Menurut kajiannya, ketibaan mubaligh Kristian ke tanah jajahan British diterima dengan tangan terbuka dan usaha mereka membantu pendidikan peribumi dialu-alukan. Tugas pertama mubaligh Kristian adalah menyediakan bahan pendidikan sekolah rendah dalam bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu, kemudian baru diajar bahasa Inggeris, contohnya melalui *Malay Spelling Book of 1818*. Tujuan utama mereka ialah untuk meningkatkan kemampuan bahasa dalam kalangan kanak-kanak peribumi dalam hal membaca supaya mereka dapat membaca dan memahami pelbagai risalah atau tulisan agama Kristian yang telah disediakan oleh penterjemah atau dalam komposisi asalnya.

Kejayaan utama yang dicari oleh semua mubaligh adalah penterjemahan dan pencetakan *Kitab Injil* ke dalam bahasa peribumi. Mubaligh Kristian menubuhkan syarikat pencetakan kerana tiada alat-alat pencetakan di Negeri-negeri Selat pada ketika itu, dan pihak British dan *Foreign Bible Society* merupakan penyokong kuat percetakan Melayu. Ibrahim bin Ismail merumuskan di akhir tesisnya bahawa penelitian mendalam tentang hubungan mubaligh Kristian dan penerbitan Melayu perlu dilakukan. Kajian ini juga bukan kajian sastera walaupun ianya bersifat sejarah sastera, maka tiada analisis khusus yang dilakukan ke atas karya-karya Kristian yang bernilai kesusasteraan.

Kelahiran teks-teks Kristian semasa zaman penjajah yang tersimpan dalam Perpustakaan Negara Singapura terakam dalam satu kajian diakronik sejarah sastera oleh Juffri Supa'at dan Nazeerah Gopaul (editor, 2009) berjudul *Aksara: Menjejaki*

Tulisan Melayu. Sebuah bab dikhususkan bertajuk 'Zaman Penjajahan' yang meneliti secara ringkas sejarah penghasilan karya oleh penjajah dalam bahasa Melayu. Gambar-gambar contoh buku-buku yang terhasil oleh penjajah dan mubaligh Kristian turut dipaparkan. Kajian ini bersifat dokumentasi dan hanya membantu untuk memberikan latar ringkas penghasilan karya-karya berbaur Kristian, tetapi karya-karya tersebut tidak dikupas dari sudut sastera atau sejarah.

Kedatangan Barat ke Alam Melayu seringkali dikaitkan dengan modeniti. Noriah Taslim dan Jelani Harun (2002) dalam monograf berjudul "Modenisme Dan Pengalaman Tanah Melayu Kurun Ke-19: Satu Perspektif Budaya" menyorot pertembungan budaya Barat-Timur pada abad ke-19. Pandangan-pandangan serong Barat tentang orang Timur, seperti, Mc Nair (1882), Isabella Bird (1883) dan Fauvre (1865) yang menyifatkan orang Melayu sebagai barbarik dan tidak bertamadun, diteliti sebagai pengaruh pemikiran evolusi positivisme yang melihat budaya berada dalam satu hierarki dalam mana budaya yang tinggi berhak mendominasi budaya yang rendah. Modenisme adalah bertunggakkan empirisisme, rasionalisme dan positivisme. Kajian ini penting dalam merakamkan pengalaman orang Melayu berdepan dengan modenisme, ia bagaimanapun menggunakan pendekatan budaya dan tidak menyentuh tentang pengaruh Kristian, apatah lagi karya-karya mubaligh Kristian, dalam pengalaman modeniti orang Melayu.

Noriah Taslim (2014) dalam makalah "Kolonialisme: Pesona Eropah dan *Literary Renaissance* di Dunia Melayu pada abad ke-18 sehingga abad ke-19" menyifatkan abad ke-18 dan ke-19 di Dunia Melayu dicirikan oleh *literary renaissance* atau pembaharuan sastera. Hal ini berlaku melalui kehadiran pencetakan yang dibawa masuk oleh mubaligh Kristian dan penjajah. Bentuk penulisan

autobiografi yang bersifat jurnalistik oleh pengarang Melayu turut dikaji sebagai contoh pembaharuan dalam bidang kesusasteraan Melayu yang membawa kepada pemodenan. Kajian ini memberi perspektif baru terhadap zaman kolonialisme kerana pembaharuan sastera seringkali diletakkan pada abad ke-20. Penulisan autobiografi adalah bentuk penulisan yang baru tetapi ianya hanya digunakan oleh sebilangan kecil penulis dan tidak membawa pembaharuan yang berkesan berbanding dengan penulisan novel Melayu pertama oleh Syed Sheikh Al-Hadi pada abad ke-20. Kajian ini bagaimanapun tidak menyentuh tulisan-tulisan mubaligh Kristian yang menggunakan wadah sastera Melayu untuk mengembangkan agama mereka.

Makalah yang sama menjadi sebuah bab dalam buku Noriah Taslim berjudul *Kolonialisme dan Fenomena Sastera* (2016). Buku ini memaparkan tentang pesona Eropah pada abad ke-18 dan abad ke-19, khususnya melalui tulisan-tulisan Abdullah Munshi. Karya-karya Melayu yang digelarkan genre peralihan diberikan perhatian, seperti *Hikayat Mareskalek, Hikayat Nakhoda Muda, Hikayat Parang Kaphe, Syair Peri Tuan Raffles Pergi ke Minangkabau, Syair Mukomuko* dan *Syair Sinyor Kosta.* Buku ini memberi penumpuan terhadap budaya manuskrip dan persuratan istana pada abad ke-19 tetapi tida menyentuh tentang tulisan-tulisan penjajah Barat dan mubaligh Kristian.

Berkait dengan perbincangan modeniti, Hadijah Rahmat (2001) dalam *In Search of Modernity: A study of the concepts of literature, authorship and notions of self in "Traditional" Malay literature* mengkaji tujuh orang pengarang iaitu Hamzah Fansuri, Lauddin, Ahmad Rijaluddin, Fakih Saghir, Abdullah Munshi, Raja Ali Haji dan Salleh Perang melalui tiga aspek pengkaryaan iaitu konsep sastera, konsep kepengarangan dan konsep diri atau *notion of self*. Beliau merumuskan bahawa